

Pengaruh Kerajaan Uthmaniyyah dalam Pentadbiran Islam di Negeri Johor pada Abad ke-19 oleh Sultan Abu Bakar (1862-1895) dan Sultan Ibrahim (1895-1959)

BITARAVolume 3, Issue 3, 2020: 65-82
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Ottoman's Influence in Islamic Administration of Johore State in 19th Century by Sultan Abu Bakar (1862-1895) and Sultan Ibrahim (1895-1959)]

Ermy Azziaty Rozali,¹ Mohd Hafiz Othman¹ & Napisah Karimah Ismail¹

Abstrak

Sultan Abu Bakar terkenal sebagai pemerintah Melayu yang menjalankan transformasi dan pemodenan dalam pentadbirannya. Baginda juga terkenal bersahabat baik dengan British semasa memegang tampuk pemerintahan. Terdapat pengkaji menyimpulkan bahawa pentadbiran baginda dikaitkan dengan pengaruh Barat iaitu British. Namun begitu, kurang perbincangan sisi pandang dasar Islamisasi dalam pentadbiran Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim dalam pentadbiran Johor. Persoalan ini rentetan dari hubungan diplomatik Kerajaan Johor dengan Kerajaan Uthmaniyyah iaitu Khilafah Islamiyyah yang berpusat di Istanbul pada abad ke-19. Penulisan artikel ini bertujuan untuk menganalisis dasar Islamisasi yang dipengaruhi dari Kerajaan Uthmaniyyah dalam konteks pemodenan dalam pentadbiran Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim. Penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor pada tahun 1895 menetapkan bahawa negeri Johor diiktiraf sebuah negeri yang berdaulat dan bebas mengamalkan dasar-dasar Islamisasinya. Hubungan diplomatik tersebut juga mengukuhkan lagi kedudukan politik negeri Johor dari ancaman British. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian sejarah bersumberkan data-data kontemporari. Objektif penulisan ini adalah untuk memaparkan dan membuat analisis berdasarkan sumber sejarah kontemporari tentang transformasi dasar Islamisasi Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim di negeri Johor. Hasil penulisan ini mendapati Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim melaksanakan dasar Islamisasi dalam pentadbiran Kerajaan Johor rentetan hubungan diplomatiknya dengan Kerajaan Uthmaniyyah, antaranya penggunaan gelaran sultan dan penggubalan perundangan Islam.

Kata kunci:

Sultan Abu Bakar, hubungan diplomatik, Kerajaan Johor, Kerajaan Uthmaniyyah

Abstract

Sultan Abu Bakar very well-known as a Malay's king who transformed and modernist in his administration. His Majesty friendship with British also closed during his reigning. Some researchers had concluded that his administration was associated with the western influence of the British.

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

ERMY AZZIATY ROZALI, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Sejarah Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: eliza@ukm.edu.my

However, there is less discussion from perspective of Islamization policy in the administration of Sultan Abu Bakar and Sultan Ibrahim in Johore. This question sequence of diplomatic relationships between Johore Government and Ottoman Government, the Islamic Caliphate located in Istanbul in the 19th century. This article aims to analyse the policy of Islamization influenced by the Ottoman Empire in the context of modernization in the administration of Sultan Abu Bakar and Sultan Ibrahim. The enactment of the Johor Government Constitution in 1895 stipulated that the state of Johor was recognized as a sovereign state and independent to practice its Islamization policies. That diplomatic relationships also strengthened the political position of the Johore state from the British threat. The methodology using qualitative design based on historical research approach sourced from contemporary data. The objective of this writing is to display and make an analysis based on contemporary historical sources on the transformation of the policy of Islamization of Sultan Abu Bakar and Sultan Ibrahim in the state of Johore. This paper finds that Sultan Abu Bakar and Sultan Ibrahim had adopted the policies of Islamization effects of diplomatic relationships with the Ottoman Government applied in the Islamic administration of Johore, such as the title of sultan and Islamic legislative.

Keywords:

Sultan Abu Bakar, diplomatic relationships, Johore Government, Ottoman Government

Cite This Article:

Ermy Azziaty Rozali, Mohd Hafiz Othman & Napisah Karimah Ismail. 2020. Pengaruh Kerajaan Uthmaniyyah dalam Pentadbiran Islam di Negeri Johor pada Abad ke-19 oleh Sultan Abu Bakar (1862-1895) dan Sultan Ibrahim (1895-1959). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 65-82.

Pengenalan

Pada akhir abad ke 19, Kerajaan Johor telah menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Uthmaniyyah yang dicituskan oleh Sultan Abu Bakar (1862-1895) pemerintah negeri Johor. Ketika itu, British menjadi kuasa baharu sedang meluaskan kuasanya di Tanah Melayu dan sebahagian Hindia Timur. Terdapat perbezaan hubungan diplomatik yang dilakukan Sultan Abu Bakar berbanding pemerintah sebelumnya di Alam Melayu yang menghantar utusan ke Istanbul, misalnya surat dari Sultan Alauddin Riayat Shah “al-Kahhar” kepada Sultan Sulaiman al-Qanuni bertarikh 7 Januari 1566 telah dibawa ke Istanbul oleh utusan dari Aceh bernama Huseyin Efendi (İsmail Hakkı 2011) dan Kerajaan Kedah pernah menghantar utusan ke Uthmaniyyah pada abad ke 19.

Surat yang tidak diketahui tarikhnya pada tahun 1824 oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, Sultan Kedah (1797-1843) meminta bantuan dari Sultan Uthmaniyyah kerana tindakan Siam yang menyerang Kedah pada tahun 1821 (İsmail Hakkı 2015). Uniknya, Kerajaan Johor menjadi perintis apabila Sultan Abu Bakar bersama rombongan rasminya mengadakan lawatan ke Istanbul. Baginda merupakan pemerintah muslim pertama dari Asia Tenggara yang melawat Istanbul secara peribadi (Ismail Hakkı & A.C.S. Peacock 2019) untuk berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid II, Sultan Uthmaniyyah.

Pengenalan penggunaan kapal wap sekitar tahun 1860 di Alam Melayu dan kerjasama Sayyid Muhammad al-Sagoff, seorang tokoh korporat berbangsa Arab Hadhrami yang berjaya dalam bidang perniagaan kapal membawa jemaah Haji menjadi faktor kejayaan kedatangan Sultan Abu Bakar ke Istanbul. Lawatan dua hala ini berlangsung ketika negeri Johor sedang berada dalam transformasi pentadbiran.

Terdapat beberapa pandangan sarjana tentang pentadbiran Sultan Abu Bakar. Dikatakan, semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar, baginda menerapkan transformasi pentadbiran ala Barat di negeri Johor. Menurut Buyong Adil (1971), pegawai-pegawai British di Singapura menuduh Sultan Abu Bakar memerintah Johor mengikut gaya Barat seperti membina perbadanan dan pejabat-pejabat kerajaan. Selain itu, dalam Rahimah Abdul Aziz (1997) menyatakan bahawa proses transformasi di Johor harus dianggap sebagai pembaratan dan bukannya pemodenan. Beliau berpendapat bahawa istilah moden atau pemodenan tidak dapat diterapkan secara tepat ke atas negeri Johor dan Sultan Abu Bakar, kerana keadaan di Johor merupakan suatu gambaran berterusan dari Barat, terutamanya Britain.

Namun begitu, terdapat pendapat yang kontradik tentang perkara ini. Menurut Kassim Thukiman (2011), Sultan Abu Bakar melakukan perubahan secara perlahan-lahan dalam pentadbirannya bukan kerana mahu menjadi seperti Inggeris. Menurut A. Rahman Tang Abdullah (2008a) pula, Johor tidak sepenuhnya dikawal pemerintahan Barat, bahkan transformasi yang dilaksanakan Sultan Abu Bakar dan pegawai kerajaannya tidak menerima sebarang tekanan dari British disebabkan pada ketika itu Johor tidak dikawal British. Tambahnya lagi, sukar untuk berpendapat bahawa penerapan idea Barat di Johor membawa kepada penolakan terhadap Islam. Justeru, dapat disimpulkan bahawa transformasi negeri Johor ketika pemerintahan Sultan Abu Bakar adalah lebih tepat dikenali sebagai proses pemodenan (A. Rahman Tang Abdullah 2008b). Pemodenan yang dilaksanakan baginda mementingkan dasar Islam. Menurut Syed Syeikh al-Hadi, Sultan Abu Bakar diingati kerana kemuliaan dan usaha terhormat demi menyelamatkan sebuah negeri Islam dari jatuh ketangan musuh. Baginda juga menjaga pemerintahannya dengan berdikari sendiri sepanjang hayatnya (Alijah Gordon 1999).

Banyak perbincangan akademik tentang dasar pembaratan dan pemodenan yang dilakukan Sultan Abu Bakar berbanding pandangan dalam aspek keislaman yang diterapkan baginda dalam pemerintahannya. Dalam artikel ini, penulis memaparkan pemodenan yang dilaksanakan oleh Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim yang diterapkan dengan nilai Islam atau dasar Islamisasi. Menurut Hassan Langgulong (1980), Islamisasi bermaksud penerapan nilai-nilai Islam dalam sesuatu perkara dengan cara meletakkan sesuatu perkara itu dalam rangka konsep Islam. Dalam pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim, baginda berdua telah menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbirannya bertujuan mengukuhkan kedudukan agama Islam yang ketika itu diancam pendudukan British. Dalam usaha kearah itu, Sultan Abu Bakar telah mengadakan siri lawatan rasmi mengunjungi Sultan Abdul Hamid II (1876-1909), *Khalifah Islamiyyah* di Istanbul bertujuan melihat kemajuan dan pemodenan yang dicapai Kerajaan Uthmaniyyah.

Hal ini kerana, pada abad ke 19, Kerajaan Uthmaniyyah sebagai pusat pengaruh Islam juga mulai mengamalkan pemodenan dari Barat (A. Rahman Tang Abdullah 2008b). Pembuktian kehebatan dan pemodenan Kerajaan Uthmaniyyah memberi inspirasi kepada Sultan Abu Bakar juga tercatat dalam *Syair Sultan Abu Bakar*. Kunjungan demi kunjungan dilakukan baginda ke Istanbul untuk berjumpa dengan Sultan Uthmaniyyah selain ke Mesir. Ini membuktikan, pengaruh Kerajaan Uthmaniyyah di negeri Johor amat kuat sebenarnya sehingga Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim mengadaptasi pengaruh-pengaruh tersebut. Perkara ini diperkukuh oleh Abd. Jalil Borham (2011), berdasarkan hubungan Johor dan Sultan Abdul Hamid II yang begitu erat, dapat dikatakan bahawa Johor sebenarnya telah diperintah

menggunakan sistem Khalifah, iaitu berada di bawah naungan Kerajaan Uthmaniyyah dan bukannya sistem British. Justeru, artikel ini memaparkan perihal dasar islamisasi dalam pentadbiran negeri Johor selepas kunjungan rasmi Sultan Abu Bakar ke Istanbul. Usaha ini merupakan salah satu proses pemodenan Islamisasi yang telah dilaksanakan.

Lawatan Sultan Abu Bakar ke Istanbul

Terdapat beberapa sumber primer dan pandangan sarjana tentang lawatan rasmi Sultan Abu Bakar ke Istanbul berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid II adalah pada tahun 1866, 1879 dan 1893. Menurut Buyong Adil (1971), Sultan Abu Bakar mengadakan kunjungan rasmi ke benua Eropah buat pertama kali pada tahun 1866, manakala kunjungan kedua baginda ke Istanbul pada 23 Februari 1893. Abd. Jalil Borham (2011) pula menyatakan beberapa lawatan Sultan Abu Bakar ke Istanbul berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid II telah dilakukan pada tahun 1866, 1879 dan tahun 1893. Menurut Ermy Azziaty Rozali (2010) pula menjelaskan bahawa lawatan tersebut berlangsung pada tahun 1879 dan 1893, kunjungan pada tahun 1893 adalah untuk menjalinkan hubungan diplomatik. Ini menunjukkan bahawa lawatan Sultan Abu Bakar ke Istanbul ketika dalam perjalanan ke negara-negara Eropah adalah pada tahun 1866, 1879 dan 1893. Namun, perbincangan perihal lawatan pada tahun 1893 lebih banyak dibincangkan para sarjana disebabkan penemuan sumber primer dari sumber sejarah Johor. Dalam *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* yang ditransliterasi dan dianotasi teksnya oleh A. Rahman Tang (2011a), memaparkan tarikh yang lebih signifikan tentang perihal kedatangan Sultan Abu Bakar ke Istanbul iaitu pada 22 Februari 1893 untuk berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid II, Sultan Uthmaniyyah. Hal ini disebabkan, kunjungan pada tahun 1893 fokus kepada menjalinkan hubungan diplomatik, maka sudah semestinya sesuatu urusan rasmi itu direkodkan. Tambahan pula, kunjungan itu dilakukan oleh pemerintah sesebuah negara dan Sultan Abu Bakar telah diiktiraf sebagai pemerintah Johor yang sah dengan memakai gelaran Sultan pada Julai tahun 1886.

Menurut *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*, semasa lawatan Sultan Abu Bakar ke Istanbul pada tahun 1893, baginda bertolak dari Singapura ke Eropah membawa seorang doktor bertujuan menjaga baginda (Mohd Said Sulaiman 1940; A. Rahman Tang 2011a). Keadaan baginda ketika itu kurang sihat dan sentiasa memerlukan pemantauan kesihatan. Ketibaan Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak dari Amerika Syarikat di England setelah berjaya memperkenalkan Kerajaan Johor dalam sebuah pameran disana bertujuan mengiringi Sultan Abu Bakar untuk mengunjungi raja-raja di Eropah (Mohd Said Sulaiman 1940; A. Rahman Tang 2011a), keadaan baginda ketika itu agak sudah sihat. Maka Sultan Abu Bakar melawat beberapa pemerintah dan raja-raja Eropah antaranya Kaiser Jerman, Raja Itali, Raja Austria dan Sultan Abdul Hamid II di Istanbul (Mohd Said Sulaiman 1940; Buyong Adil 1971; A. Rahman Tang Abdullah 2011a). Setelah tamat mengadakan kunjungan tersebut, baginda kembali ke London sebelum pulang ke Johor (A. Rahman Tang Abdullah 2011b). Ini menunjukkan bahawa semasa Sultan Abu Bakar berjumpa dengan Sultan Abdul Hamid II di Istanbul, kondisi kesihatan baginda agak baik.

Selain sumber sejarah Johor, lawatan Sultan Abu Bakar ke Istanbul pada tahun 1893 turut dibincangkan oleh sarjana dari Turki. Menurut Nuramirah Shahrin (2019), terdapat beberapa

telegram ditemui di Başbakanlık Osmanlı Arşivi atau Ottoman State Archive Collection di Istanbul mengenai lawatan Sultan Abu Bakar ke Istanbul pada tahun 1893. Berdasarkan telegram bernombor B.O.A, Y.PRK.BŞ K, 30 (99/1), (99/2), (99/3), (99/4), (99/5) dan (99/6) merekodkan tentang permintaan yang dibuat oleh Sultan Abu Bakar untuk menemui Sultan Abdul Hamid II. Pada peringkat awal, telegram tersebut ditujukan kepada Konsulat Uthmaniyyah di London berkenaan dengan permintaan baginda untuk mengunjungi Kerajaan Uthmaniyyah ketika dalam lawatannya ke England. Ketika di Istanbul, Sultan Abu Bakar bersemayam di Istana Beylerbeyi yang berlokasi di bahagian Asia, Istanbul. Istana Beylerbeyi dibina semasa pemerintahan Sultan Abdul Aziz pada tahun 1865. Istana tersebut menempatkan para tetamu ketika musim panas. Menurut rekod B.O.A, Y.PRK. BSK 30 (99/8), setelah mengunjungi Istana Sultan Uthmaniyyah, Sultan Abu Bakar berangkat ke Masjid Biru untuk membaca al-Quran dan menzahirkan rasa kesyukuran dengan sambutan yang diterima baginda di Istanbul (Nuramirah Shahrin 2019). Rekod ini membuktikan bahawa kunjungan Sultan Abu Bakar ke Istanbul adalah selepas baginda bersemayam di England dan melawat raja-raja Eropah seperti Jerman, Austria dan Itali.

Selain itu, terdapat sumber Turki membincangkan perihal keberadaan Sultan Abu Bakar di Vienna. Menurut Ismail Hakkı & A.C.S. Peacock (2019), telegram bernombor B.O.A, Y.A. HUS. 274/36 (3) menjelaskan tentang rombongan Sultan Abu Bakar berjumpa dengan Duta Besar Uthmaniyyah di Vienna. Surat tersebut diterima secara telegram oleh Kementerian Luar Negeri Uthmaniyyah dari Duta besar Uthmaniyyah di Vienna bertarikh pada 17 Mei 1893 menjelaskan Sultan Abu Bakar menzahirkan rasa kesyukuran atas layanan baik yang diterimanya ketika bersemayam di Istanbul. Baginda juga amat mengagumi pemodenan dan kehebatan Uthmaniyyah serta melahirkan rasa taat setia kepada Sultan Uthmaniyyah. Sultan Abu Bakar diiringi Sayyid Muhammad al-Sagoff, seorang doktor peribadi dan seorang pegawai kerajaan. Duta Uthmaniyyah tersebut melawat dengan penuh hormat ke atas rombongan itu di hotel serta mengundang Sultan Abu Bakar dan rombongannya untuk makan malam di Pejabat Kedutaan pada hari Sabtu malam (Ismail Hakkı & A.C.S. Peacock 2019). Berdasarkan rekod tersebut, wujud perkaitan antara sumber Turki ini dengan *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* bahawa baginda sentiasa diiringi oleh seorang doktor peribadinya ketika berada di Eropah. Selain itu, berdasarkan tarikh pada telegram tersebut, dipercayai rombongan Sultan Abu Bakar sedang dalam perjalanan pulang ke Johor dan melakukan persinggahan di Vienna. Pada ketika itu, Vienna berada di bawah kekuasaan Kerajaan Uthmaniyyah.

Analisis Hubungan Diplomatik Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim dengan Sultan Abdul Hamid II

Hubungan diplomatik adalah sebuah hubungan antarabangsa atau hubungan lintas sempadan sebuah kerajaan untuk meluaskan pengaruh dan memenuhi keperluan masing-masing (Salmah Jan 2017). Ianya amat penting bagi sesebuah kerajaan atau negara yang sedang mengalami proses perkembangan dan kemajuan dalam aspek pentadbiran, ekonomi dan sosial. Ketika pemerintahan Sultan Abu Bakar, negeri Johor sedang melalui proses kemajuan dan pemodenan. Salah satu usaha baginda adalah menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan luar.

Lawatan baginda ke Istanbul, Uthmaniyyah adalah untuk menjalinkan hubungan diplomatik dan mendapat sambutan yang baik daripada Sultan Abdul Hamid II (Buyong Adil 1971; Yaakub Isa 1982). Sultan Abu Bakar memberitahu Wilfred Blunt iaitu salah seorang pengiring baginda ketika mereka berada di Mesir bahawa perkara penting baginda mengunjungi Sultan Abdul Hamid II di Istanbul adalah untuk mendapatkan pengiktirafan politik dari Sultan Uthmaniyyah (A. Rahman Tang Abdullah 2011b). Sultan Abdul Hamid II menerima kunjungan rombongan tersebut dengan amat baik sekali dan berasa bangga dengan Sultan Abu Bakar yang memerintah di salah satu negeri di Alam Melayu yang mengekalkan dan memartabatkan pentadbirannya sebagai sebuah negeri yang merdeka dan berdaulat.

Perihal hubungan diplomatik antara Sultan Abu Bakar dengan Sultan Abdul Hamid II tercatat dalam penulisan karya *Syair Sultan Abu Bakar* yang diselenggara oleh M.A. Fawzi Basri (1983). Misalnya, pada rangkap ke-674 menyatakan “Tanda bersahabat sudah ketahuan” membuktikan kedua-dua kerajaan ini menjalinkan hubungan persahabatan atau diplomatik yang amat baik. Walaupun *Syair Sultan Abu Bakar* merupakan karya sastera, namun ianya sebagai satu karya pensejarahan Melayu yang sukar sekali dinafikan (M.A. Fawzi Basri 1983). Kedudukan Johor satu-satunya negeri di sebelah timur pada masa itu, begitu bersungguh-sungguh menjadikan Islam sebagai dasar negaranya telah membuka ruang kepada Kerajaan Uthmaniyyah untuk mengadakan hubungan yang lebih erat (Abd. Jalil Borham 2014). Hubungan diplomatik ini diperkukuh lagi dengan pemberian hadiah atau pingat kebesaran sebagai simbolik pertautan persahabatan dan ingatan antara dua kerajaan. Darjah kebesaran pertama (Bintang *Uthmani*) dianugerahkan oleh Sultan Abdul Hamid II kepada Sultan Abu Bakar ketika kunjungannya ke Istana Sultan Uthmaniyyah (M.A. Fawzi Basri 1983). Majlis penganugerahan itu diadakan pada 25 April 1893 di Yıldız Sarayı (Nuramirah Shahrin 2019). Justeru, penganugerahan darjah kebesaran pertama ini menjadi simbol yang sangat berharga oleh Sultan Abdul Hamid II kepada Sultan Abu Bakar. Bahkan para pengiring baginda turut dianugerahkan darjah kebesaran. Dato’ Seri Amar Diraja dihadiahkan darjah kebesaran kedua dan lain-lain pengiring darjah kebesaran ketiga. Kesemua rombongan tersebut dijamu santapan dan tempat bersemayam ketika menginap di Istanbul. Selepas mengadakan kunjungan rasmi di Istanbul, baginda berangkat ke London (Mohd Said Sulaiman 1940; A. Rahman Tang 2011a). Selain darjah kebesaran, Sultan Abu Bakar juga menerima hadiah pedang daripada Sultan Abdul Hamid II (Abdul Rahim Ramli 2011). Kedua-duanya darjah kebesaran dan pedang merupakan salah satu ciri-ciri diplomasi dalam Islam. Menurut Wang Yong Bao (2009), kaedah pengaplikasian orang Islam dalam membentuk suatu hubungan diplomatik berdasarkan kiriman surat, pemberian hadiah, menguasai bahasa asing dan menggunakan kod rahsia sepertimana amalan dan corak diplomasi yang diaplikasikan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Ianya bertujuan mendapatkan pengiktirafan antara sebuah kerajaan atau negara dengan sebuah kerajaan yang lebih berkuasa serta mengekalkan kedaulatan. Jelaslah, pemberian darjah kebesaran dan pedang oleh Sultan Abdul Hamid II kepada Sultan Abu Bakar merupakan pemberian hadiah sebagai simbolik hubungan persahabatan atau hubungan diplomatik yang memenuhi prinsip diplomasi dalam Islam.

Hubungan diplomatik Kerajaan Johor dengan Kerajaan Uthmaniyyah dipercayai sehingga kemangkatan Sultan Abu Bakar di London pada 4 Jun 1895. Berita kemangkatan tersebut dimaklumkan kepada Kerajaan Uthmaniyyah melalui telegraf oleh Dato’ Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak (Mohd Said Sulaiman 1940). Sultan Abdul Hamid II

menyampaikan rasa dukacita kerana baginda pernah bertemu dengan Sultan Abu Bakar dalam lawatannya ke Istanbul pada tahun 1893 (Ermy Azziaty Rozali 2016). Para wakil Kerajaan Uthmaniyyah yang berada di London datang menziarahi atas perintah Sultan Abdul Hamid II. Sebelum dibawa balik ke Johor, jenazah Sultan Abu Bakar disempurnakan mengikut fardu kifayah oleh wakil Kerajaan Uthmaniyyah di London (Shaharom Husain 1994). Jenazah almarhum tiba di Singapura dua hari selepas itu dan dibawa ke Johor Bahru lalu disemayamkan di Istana Besar, Johor Bahru (Buyong Adil 1971).

Pada 4 Jun 1898, suatu istiadat telah diadakan di Johor Bahru sempena penyampaian bintang kebesaran dari Sultan Abdul Hamid II yang dibawakan dari Istanbul oleh Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak (Buyong Adil 1971) untuk dianugerahkan kepada Sultan Ibrahim (1895-1959). Sultan Abdul Hamid II mengucapkan tahniah kepada Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar yang menggantikan ayahandanya dan mengurniakan darjah kebesaran pertama *Uthmani* manakala Dato' Seri Amar Diraja pula dianugerahkan darjah kebesaran kedua (Ermy Azziaty Rozali 2016). Sultan Ibrahim beriltizam meneruskan komitmen yang telah ayahandanya lakukan agar negeri Johor kekal sebagai sebuah negeri yang merdeka dan berdaulat. Hubungan baik dengan Kerajaan Uthmaniyyah diteruskan terutamanya dengan konsul Uthmaniyyah di Singapura. Pada 10 November 1903 Sultan Ibrahim mengirim surat takziah kepada Sultan Uthmaniyyah dan pada hari yang sama seluruh pejabat konsulat di Singapura menurunkan bendera negara masing-masing setengah tiang untuk mengenang pemergian Ahmed Ataullah Efendi iaitu salah seorang sahabat karib Sayyid Muhammad al-Sagoff yang terlibat dalam kemalangan sejurus selepas menyertai sambutan hari jadi Gabenor Singapura pada 9 November 1903. Ahmed Ataullah Efendi dilantik sebagai Konsul Uthmaniyyah di Singapura sejak tahun 1901. Beliau dimakamkan di Teluk Belanga iaitu perkuburan peribadi milik keluarga Diraja Johor (H. Taner 2015). Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Johor memberikan penghormatan yang tinggi terhadap Konsul yang dilantik secara rasmi oleh Kerajaan Uthmaniyyah di Singapura.

Pengaruh Uthmaniyyah dalam Pentadbiran Islam di Negeri Johor

Hubungan diplomatik antara Sultan Abu Bakar dengan Kerajaan Uthmaniyyah memberikan kesan atau pengaruh kepada pentadbiran Islam di negeri Johor. Atas faktor agama Islam sebagai agama rasmi negeri, Sultan Abu Bakar mengadaptasi pentadbirannya mengikut dasar Islam berpandukan kepada contoh yang diperkenalkan oleh Kerajaan Uthmaniyyah. Lawatan Sultan Abu Bakar ke Uthmaniyyah adalah untuk mendalami urusan pentadbiran negeri luar supaya dapat ditampilkan pengalaman dan pengetahuan baharu itu dalam pemerintahan baginda di Johor. Disinilah menunjukkan Sultan Abu Bakar sememangnya mahu menegakkan Islam di Johor (Kassim Thukiman 2011). Antara yang paling jelas adalah adaptasi *Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah* iaitu perundangan Sivil Islam milik Kerajaan Uthmaniyyah yang diterjemahkan dan digubal menjadi *Majalah Ahkām Johor*. Ketika hubungan diplomatik terjalin antara Sultan Abu Bakar dengan Sultan Abdul Hamid II, hubungan Sultan Abu Bakar dengan British juga baik sebagai hubungan persahabatan, bukannya penaklukan atau penjajahan. Menurut Faisal Tehrani (2005), hubungan baik Sultan Abu Bakar dengan Ratu England bukanlah suatu

hubungan tuan dan hamba kerana baginda sultan memang mahu mempertahankan kedaulatan Johor dan ketinggian undang-undang Islam. Tambahnya lagi, negeri Johor semasa era pemerintahan Sultan Abu Bakar terserlah hakikat bahawa baginda mencintai Islam. Hakim besar, pesuruhjaya polis, pegawai mahkamah, semuanya terdiri daripada kalangan alim ulama dan orang Islam. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu manakala tulisan yang digunakan ialah tulisan Jawi. Demi memelihara penggunaan tulisan Jawi, baginda komited memerintahkan semua surat-surat kerajaan ditulis dalam tulisan Jawi. Ianya turut dipraktikkan dalam urusan dengan masyarakat Cina seperti “Surat Sungai” dan penanaman lada hitam dan gambir, semuanya dalam tulisan Jawi (C.A. Trocki 1975). Jelaslah, pentadbiran negeri Johor semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar mengamalkan dasar-dasar Islam. Berikut merupakan transformasi dasar-dasar Islamisasi ke arah pemodenan yang dilaksanakan oleh Sultan Abu Bakar.

Penggunaan Gelaran Sultan

Sultan Abu Bakar menaiki takhta pada tahun 1862 selepas kemangkatan ayahandanya pemerintah Johor, Temenggung Ibrahim. Pada 1 Februari 1862, baginda telah dilantik menggantikan Almarhum ayahandanya sebagai Temenggung Johor, bergelar Seri Maharaja (Suzana Othman 2018). Ketika baginda memerintah Johor, Kerajaan Johor menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Uthmaniyyah sebenarnya merupakan hubungan yang menjadikan negeri Johor adalah wilayah naungan Kerajaan Uthmaniyyah. Menurut Abd. Jalil Borham (2011), Johor telah menggunakan sistem Khalifah iaitu berada di bawah naungan Kerajaan Uthmaniyyah dan bukannya sistem British. Ini dapat dibuktikan dengan pengaruh Kerajaan Uthmaniyyah dalam pentadbiran negeri Johor. Selain itu Perjanjian Inggeris yang ditandatangani Sultan Abu Bakar pada tahun 1885 menganggap negeri Johor merupakan negeri yang berdaulat dan merdeka kecuali dalam perkara yang berkaitan dengan hal ehwal luar yang diserahkan kepada British (Ronald Braddell 1931; Abd. Jalil Borham 2011). Pada ketika itu, hanya Sultan Uthmaniyyah sahaja yang berautoriti mengurniakan gelaran “Sultan” kepada mana-mana pemerintah Muslim yang menjadi naungan kepada kerajaannya kerana Kerajaan Uthmaniyyah merupakan *Khilafah Islamiyyah* bagi seluruh umat Islam di dunia. Menurut A. Rahman Tang Abdullah (2011b), Sultan Abu Bakar memberitahu Wilfred Blunt bahawa perkara penting baginda mengunjungi Sultan Abdul Hamid II di Istanbul adalah untuk mendapatkan pengiktirafan politik dari Sultan Uthmaniyyah. Akhirnya, pada pertengahan tahun 1860an, baginda dalam rangka lawatan ke Eropah telah berkesempatan melawat Sultan Uthmaniyyah di Istanbul dan baginda diiktiraf Sultan Johor mulai 13 Februari 1886 (Abd. Jalil Borham 2011). Pengurniaan gelaran sultan ini telah mengiktiraf baginda sebagai pemerintah negeri Johor yang sah.

Dalam pada masa yang sama, walaupun Sultan Abu Bakar bersahabat dengan Ratu England, namun baginda mengharapkan agar British di Singapura tidak mencampuri urusan Kerajaan Johor. Baginda berjumpa dengan Cecil Clementi Smith, Pemangku Gabenor dan menyatakan supaya British tidak mengambil negeri Johor atau memaksa baginda menerima Penasihat British di Johor (Buyong Adil 1971). Dalam tahun 1886 dan 1887, Sultan Abu Bakar mengukuhkan hak baginda sebagai seorang raja yang merdeka dan berdaulat dan taraf baginda

sekurang-kurangnya sama atau lebih daripada taraf Gabenor di Singapura. Malah, Setiausaha Negara Tanah Jajahan Inggeris di London menetapkan bahawa tidak akan memberi tekanan mengenai perlantikan wakil British melalui Jemaah Penasihat Johor di London. Dalam usaha mengekalkan kedaulatan dan mengukuhkan taraf baginda, pelbagai pembaharuan dan pemodenan dibangunkan, antaranya pejabat setiausaha kerajaan, jabatan perbendaharaan, pejabat audit, mahkamah besar, pejabat percetakan kerajaan, jabatan kerja raya, polis, pejabat ukur, pejabat tanah, pejabat pelajaran dan lain-lain (Buyong Adil 1971). Ini membuktikan bahawa negeri Johor tidak dipengaruhi mahupun digugat oleh kuasa luar terutamanya British ketika Sultan Abu Bakar membuat keputusan dan arahan dalam pentadbirannya, namun terdapat juga sebilangan kecil beberapa orang pegawai British yang ditugaskan hanya membantu dalam membangunkan negeri Johor. Kerajaan Johor mendapat pujian dari Kerajaan Uthmaniyyah kerana berjaya mempertahankan negeri mereka dari penjajahan British (Ermy Azziaty Rozali 2016). Tambahan pula, pihak British gagal campur tangan urusan pentadbiran negeri Johor semasa pemerintahan baginda sehingga tahun 1914 semasa Johor diperintah anakandanya, Sultan Ibrahim.

Bendera Negeri Johor

Pengiktirafan Kerajaan Johor terhadap kerajaan Uthmaniyyah sebagai *Khilafah Islamiyyah* yang menaungi seluruh umat Islam di dunia dapat dibuktikan dengan penggunaan simbol pada bendera negeri Johor. Perihal ini dapat dibuktikan dalam *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor* karya Na Tien Piet yang diselenggara oleh Noriah Mohamed (2001) iaitu pada rangkap ke-572 turut memaparkan penggunaan bendera Uthmaniyyah di Johor Bahru sehingga mendapat pujian oleh Sultan Uthmaniyyah. Jika diperhatikan pada struktur bendera tersebut, bulan dan matahari yang dipaparkan rangkap syair di atas adalah sama pada bendera Uthmaniyyah termasuk latar belakang warna merahnya. Manifestasi simbol bulan sabit dan bintang pecahan lima membawa maksud lambang agama Islam dan agama Islam merupakan agama rasmi bagi negeri Johor. Cetusan idea mengubah bendera diperoleh oleh baginda selepas membuat lawatan ke Mesir dan Istanbul, Uthmaniyyah (Abdul Rahim Ramli 2011).

Manifestasi bendera rasmi negeri Johor menunjukkan bahawa kesatuan pendapat mereka dalam menegakkan kedaulatan dan penguasaan sebuah kerajaan Islam di wilayah masing-masing. Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2019), Syeikh Abdul Hayyi al-Kattani dalam kitabnya *al-Taratib al-Idariyyah* menjelaskan rahsia bahawa jika suatu kaum berhimpun di bawah satu panji atau bendera, itu bererti panji atau bendera itu menjadi tanda kesatuan pendapat mereka (*ijtima' i kalimatihim*) dan persatuan hati mereka (*ittihadi qulubihim*), dengan demikian mereka bagaikan satu tubuh. Justeru, ciri-ciri pada bendera Uthmaniyyah yang diterapkan dalam bendera negeri Johor merupakan satu tanda kesatuan dan pendapat bahawa pemerintah atau sultan yang mentadbir negeri itu mengamalkan dasar Islamisasi dalam pentadbirannya. Bendera negeri Johor masih kekal digunakan sehingga ke hari ini sebagai simbol kedaulatan dan kebanggaan bagi rakyat negeri itu. Berkibaran bendera Uthmaniyyah dalam bendera rasmi negeri Johor menjadi kebanggaan rakyat Johor.

Masjid Sultan Abu Bakar

Beberapa buah bangunan khususnya istana-istana dan masjid-masjid dipengaruhi oleh bentuk-bentuk bangunan lama di wilayah Uthmaniyyah (Abd. Jalil Borham 2011). Misalnya, Masjid Sultan Abu Bakar yang dibina pada tahun 1895 juga menunjukkan pengaruh Uthmaniyyah selain Melayu dan British. Sultan Abdul Hamid II secara khusus mengirim mihrab diletakkan di ceruk dinding masjid untuk menunjukkan arah Kaabah, yang dibuat dari besi dan dicat dengan emas sebagai hadiah (Yaakub Ahmed 2019). Jika diperhatikan pada senibina Masjid Sultan Abu Bakar, masjid tersebut mempunyai empat sayap dengan menara dan kubah yang berunsur klasik (A. Ghafar Ahmad 1999). Oleh kerana Istanbul adalah pusat *Khilafah Islamiyyah* yang menaungi seluruh umat Islam seluruh dunia, wujud persamaan seni bina masjid dan bangunan kerajaan milik Uthmaniyyah di negeri Johor. Senibina masjid ini mendorong pengaruh Uthmaniyyah dalam pembangunan senibina di negeri Johor sehingga Johor Bahru digelar sebagai “bandar kembar” dengan Istanbul.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor (UTKJ) 1895

Pada 14 April 1895, Sultan Abu Bakar telah mengadakan suatu istiadat di Istana Besar Johor Bahru untuk mengisytiharkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (UTKJ). Seterusnya ditandatangani oleh 17 orang antaranya Ungku Muhammad Khalid ibni al-Marhum Temenggung Ibrahim, Tengku Mahkota Ibrahim, Engku Sulaiman, Dato' Ja'afar Haji Muhammad (Dato' Menteri Johor), Dato' Haji Muhammad Saleh (Dato' dan Hakim) dan Dato' Syed Salim Ahmad al-Attas (Dato' dan Mufti). Usaha tersebut merupakan salah satu langkah kemajuan ke atas perlembagaan dan kedaulatan negeri Johor (Hanif Md Lateh@Junid & Izziah Suryani Mat Resad@Arshad 2018). UTKJ dirangka dan disediakan oleh Jemaah Menteri baginda dan dibantu oleh firma Guaman bernama *Rodyk and Davidson* yang dicetak di Singapura (Buyong Adil 1971). UTKJ mengandungi 64 fasal, antara kandungan UTKJ adalah fasal kedua berkenaan pelantikan seorang raja, fasal ketiga dan keempat adalah tentang perwarisan untuk menggantikan raja dan fasal kelima menetapkan kaedah memilih dan melantik raja sekiranya waris, waris kedua dan waris yang lain tidak ada atas sebab tiada zuriat atau waris tersebut hilang kelayakan. UTKJ juga turut memperuntukkan agama Islam sebagai agama negeri di negeri Johor. UTKJ juga turut memperuntukkan agama Islam sebagai agama negeri di negeri Johor. UTKJ menerima tujuh kali tambahan dan 19 kali pindaan antara tahun 1908 hingga 1948 disebabkan campur tangan British (Abd. Jalil Borham 2011).

UTKJ banyak dipengaruhi dengan unsur-unsur *Syar'iyah Islamiyyah* yang terdapat di dalam buku-buku fiqh dari Riau, terutamanya buku karangan Raja Ali Haji (M.A. Fawzi Basri 1997; Bharuddin Che Pa 2007; Khalif Muammar A. Harris 2016). Sekitar tahun 1827, Raja Ali Haji bersama ayahnya pergi menunaikan ibadah haji ke Makkah, kemudian tinggal di sana selama setahun untuk memperluaskan pengetahuan agama. Di Makkah, beliau sempat belajar bidang agama Islam dan bahasa Arab daripada Syeikh Daud Abdullah al-Fatani (Abd. Jalil Borham 2011). Syeikh Daud Abdullah al-Fatani merupakan seorang ulama terkenal yang terlibat secara aktif sebagai Sheikh Jawi pertama untuk haji di Makkah (Saref Masae & Faisal Abdul Hamid 2014). Justeru, sudah semestinya ilmu perundangan Islam yang dimiliki Raja Ali

Haji diwarisi dari para ulama Islam di Makkah yang berperanan memperkembangkan ajaran Islam, tambahan pula Makkah merupakan salah satu wilayah Kerajaan Uthmaniyyah dan kota suci umat Islam. Karya karangan Raja Ali Haji bertajuk *Thamarat al-Muhimmah Diyafah li al-Umāra' wa al-Kubāra' li ahl al-Mahkamah* mengenai adat istiadat Melayu dan undang-undang Islam terutama yang berkaitan dengan perlembagaan mempengaruhi pembentukan UTKJ sebagai perlembagaan bertulis pertama di Tanah Melayu (Abd. Jalil Borham 2011). Misalnya, UTKJ mensyaratkan raja bagi negeri Johor mestilah seorang Melayu yang beragama Islam. Peruntukan ini selari dengan peruntukan yang terdapat di dalam kitab *Thamarat al-Muhimmah* iaitu seorang raja mestilah seorang yang berpegang teguh dengan ajaran Islam (Bharuddin Che Pa 2007). Ini membuktikan bahawa UTKJ menjadikan Islam sebagai sumber asas atau dasar untuk memilih calon pemimpin dalam sesebuah kerajaan atau negara agar menepati prinsip yang dianjurkan dalam agama Islam. Namun, kedua-dua pendapat di atas tidak menyatakan hubungkait sebab-sebab mengapa kitab *Thamarat al-Muhimmah* dikatakan mempengaruhi UTKJ.

Menurut Hanif Md Lateh@Junid (2018), pernyataan tentang UTKJ dipengaruhi oleh *Thamarat al-Muhimmah* merupakan lontaran sarjana yang dapat diklasifikasikan dalam dua keadaan iaitu bersandarkan kenyataan sarjana lain dan penelitian terhadap teks UTKJ sebagai subjek kajian atau sumber kedua. Namun begitu, dalam penulisan artikel ini, penulis berpendapat bahawa, UTKJ sememangnya ada menerima pengaruh Kerajaan Uthmaniyyah melalui perantaraan ilmu yang dimiliki Raja Ali Haji dalam kitab karangan beliau *Thamarat al-Muhimmah* berdasarkan sebab-sebab berikut:

1. Menurut Suzana Othman (2018), pada bulan April 1868, Sultan Abu Bakar telah menghantar satu rombongan ke Riau yang diketuai oleh sepupu baginda, Ungku Haji Muhammad Ungku Haji Abdullah. Utusan Johor tersebut telah menghadap Raja Ali Haji bertujuan membincangkan kelayakan Sultan Abu Bakar untuk menjadi pemerintah yang berdaulat dan sah.
2. Raja Ali Haji pernah menuntut ilmu agama Islam di Makkah, pada ketika itu Makkah berada dalam wilayah Kerajaan Uthmaniyyah selaku *Khilafah Islamiyyah*. Bahkan, Raja Ali Haji merupakan tokoh ulama terkemuka di rantau Alam Melayu terutamanya dalam pemerintahan Kerajaan Johor-Riau.
3. Mengikut pandangan al-Marhum Professor Ahmad Ibrahim (1979), jika diteliti secara terperinci, isi perlembagaan (UTKJ) tersebut bukanlah bertujuan untuk mendirikan sebuah kerajaan yang bercorak demokratik ala barat di negeri Johor. Sebaliknya ia bermatlamat untuk mendirikan sebuah kerajaan Islam berasaskan undang-undang dan struktur politik negeri Johor yang ada pada masa itu.
4. Menurut Kassim Thukiman (2011) pula, pengisytiharan UTKJ menunjukkan Islam benar-benar menjadi dasar pemerintahan Johor. Jawatan mufti dan kadi diwujudkan dengan rasminya. Dato' Syed Salim Ahmad al-Attas menyandang jawatan mufti, sementara Haji Abdul Rahman sebagai kadi. Perkara ini adalah selari dengan penulisan kitab *Thamarat al-Muhimmah* bahawa pemerintah dalam sesebuah kerajaan wajib patuh kepada undang-undang Islam atau hukum Islam.

Dapat disimpulkan bahawa penggubalan perlembagaan UTKJ dibuat berasaskan undang-undang Islam terutamanya dari kitab *Thamarat al-Muhimmah Diyafah li al-Umāra' wa al-Kubāra' li ahl al-Mahkamah* karangan Raja Ali Haji.

Sebagai sebuah empayar Islam yang menaungi kerajaan-kerajaan Islam seluruh dunia, sedikit sebanyak unsur pengaruh perundangan Islam yang digubal oleh Kerajaan Uthmaniyyah memberi impak kepada kerajaan-kerajaan Islam yang kecil, samada atas usaha cendekiawan atau ulama kerajaan Islam yang kecil itu atau kehadiran para ulama yang dihantar oleh Kerajaan Uthmaniyyah ditugaskan untuk menyebarkan dakwah *Islamiyyah* termasuk aspek perundangan Islam. Tambahan pula, pada zaman tersebut, pelajar-pelajar Muslim atau cendekiawan Islam dari Alam Melayu yang menuntut ilmu di Makkah atau Madinah kerap berulang alik selain menziarahi dua kota suci umat Islam itu dan mengerjakan Haji. Perjalanan ulang alik masyarakat Muslim di Alam Melayu ke Makkah bermula pada abad ke 16, apabila semakin ramai cendekiawan datang ke Haramayn (Francis R. Bradley 2014). Kedua-dua kota suci umat Islam Makkah dan Madinah terletak di bawah kekuasaan Kerajaan Uthmaniyyah hingga abad ke 20.

Perundangan Sivil Islam: *Majallah al-Aḥkām Al-'Adliyyah* dan *Majalah Aḥkām Johor*

Sultan Abu Bakar juga mengaplikasikan perundangan sivil Islam milik Kerajaan Uthmaniyyah untuk digunapakai di mahkamah negeri Johor. Perkara ini dapat dilihat dengan pelaksanaan *Majallah al-Aḥkām al-'Adliyyah* sebagai kod undang-undang Sivil Islam sejak tahun 1893 dalam bahasa Arab dan dijadikan panduan rasmi berkenaan dengan hukum syarak di negeri Johor pada tahun 1913 (Abd. Jalil Borham 2014). Sejarah kedatangan *Majallah al-Aḥkām al-'Adliyyah* ke negeri Johor merupakan suatu yang sukar kerana tidak terdapat suatu fakta sejarah yang khusus mengenainya tercatat di dalam mana-mana sumber sejarah di negeri Johor. Namun begitu, hubungan persahabatan yang erat antara Sultan Abdul Hamid II di Uthmaniyyah dengan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim di Johor merupakan salah satu sebab kedatangan kitab *Majallah al-Aḥkām al-'Adliyyah* ke negeri Johor (Abd. Jalil Borham 1997). Menurut Iza Hussin (2013) pula, kedatangan kitab *Majallah al-Aḥkām al-'Adliyyah* ke negeri Johor mungkin sebahagian peranan oleh para pedagang Muslim, Jemaah Haji, pelajar dan diplomat Islam di laluan persinggahan antara wilayah Singapura, Calcutta, Mesir, Mekah dan Istanbul.

Semasa pemerintahan Sultan Ibrahim, Jabatan Agama Johor merupakan nadi utama dalam proses menterjemah *Majallah al-Aḥkām al-'Adliyyah* ke bahasa Melayu dan dikenali sebagai *Majalah Aḥkām Johor*. Kedua-duanya sama sahaja (Faisal Tehrani 2005). Sultan Ibrahim bersungguh-sungguh menentang usaha untuk menggantikan undang-undang Islam dengan undang-undang sekular (Kassim Thukiman 2011), *Majalah Aḥkām Johor* merupakan satu usaha terakhir penguatkuasaan undang-undang Islam di negeri Johor. Sultan Ibrahim memberikan keizinan kepada mufti, Dato' Syed Abdul Kadir Mohsin al-Attas melalui surat daripada Dato' Pemangku Setiausaha Kerajaan Johor, bil. 998/13 bertarikh 29 November 1913. Melalui perkenan sultan dan berdasarkan tarikh surat tersebut menunjukkan bermulanya penggunaan *Majalah Aḥkām Johor* sebagai kitab panduan berhubungan dengan hukum syarak di negeri Johor (Abd. Jalil Borham 2002). Kitab *Majalah Aḥkām Johor* mengandungi enam

belas kitab atau tajuk besar dengan 1,851 *maddah* atau perkara antaranya perbincangan berkenaan jual beli, sewaan, *kafalah* atau tanggungan, *hiwalah* (memindahkan hutang daripada satu tanggungan kepada tanggungan lain), gadaian, amanah, hibah, rampasan dan kerosakan. Sehubungan itu, agensi yang terlibat dalam pelaksanaan *Majalah Ahkām Johor* dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Agama Johor, majistret, hakim dan pegawai kehakiman. Sejarah profesion guaman di Tanah Melayu telah bermula sejak abad ke 19. Undang-undang seperti *Majalah Ahkām Johor* telah memberi hak kepada siapa yang mendakwa dan didakwa berwakil kepada sesiapa yang mereka pilih (Musa Awang 2017). Justeru, *Majalah Ahkām Johor* menjadi panduan para peguam Syarie untuk mewakili anakguam masing-masing dalam mahkamah. Syed Syeikh al-Hadi antara pelopor peguam syarie pada zaman penggubalan *Majalah Ahkām Johor* ini.

Aspek campur tangan British pada tahun 1914 dalam pentadbiran Johor yang secara langsungnya memberi kesan kepada penggunaan *Majalah Ahkām Johor* sebagai rujukan hukum syarak di Mahkamah negeri Johor. Bidang keadilan di Johor pada tahun 1913, 1914 dan seterusnya kebanyakannya di monopoli oleh pegawai Inggeris. Harapan untuk menjadikan *Majalah Ahkām Johor* sebagai bahan rujukan dan panduan di Mahkamah negeri Johor amat tipis sekali (Abd. Jalil Borham 2002). Walaupun begitu, amalan yang dianjurkan oleh agama Islam tetap dipraktikkan oleh masyarakat Muslim di Johor sebagai panduan hidup agar selari dengan prinsip yang ditetapkan dalam al-Quran dan hadis, misalnya dalam urusan jual beli harian. Lafaz *ijab* dan *qabul* mestilah dilafazkan oleh pembeli dan penjual ketika berurus niaga, misalnya, “telah aku jual” dan “telah aku beli”. Perkara ini juga termaktub dalam Fasal Satu (1) *Majalah Ahkām Johor* dalam *Perkara-perkara yang Bergantung dengan Rukun Jual Beli*.

Undang-undang Keluarga Islam: *Ahkam Syar‘iyyah Johor*

Pada tahun 1935 semasa pemerintahan Sultan Ibrahim, suatu undang-undang *munakahat* telah disusun bertujuan mengukuhkan pelaksanaan undang-undang Islam di negeri Johor. Kod undang-undang keluarga Islam berjudul *Al-Ahkam al-Syar‘iyyah fi al-Ahwal al-Syahsiyyah* karangan Muhammad Zain al-Abyani dalam Mazhab Hanafi dari Kerajaan Uthmaniyyah telah disusun bagi membincangkan secara substantif mengenai hal ehwal perkahwinan, poligami, perceraian dan perkara yang berkaitan dengannya di negeri Johor. Usaha terjemahan ke dalam bahasa Melayu dilakukan oleh Yang Di pertua Jabatan Agama Johor Dato’ Abdullah Abdul Rahman, Dato’ Syed Alwi Tahir al-Haddad dan Dato’ Syed Abdul Qadir Muhsin al-Attas dan disesuaikan ke Mazhab Syafii (Abd. Jalil Borham 2014). *Ahkam Syar‘iyyah Johor* merupakan undang-undang Syariah yang membincangkan perihal kekeluargaan Islam untuk dirujuk sebagai sebuah kitab undang-undang oleh masyarakat Islam di negeri Johor.

Ahkam Syar‘iyyah Johor diterbitkan oleh Jabatan Agama Johor mengandungi dua juzuk. Juzuk pertama diterbitkan pada tahun 1935 mengandungi 468 *maddah* (perkara) manakala juzuk kedua diterbitkan pada tahun 1940 dengan peruntukan sebanyak 460 *maddah*. Di bahagian akhir juzuk kedua, penyusun berjanji akan menerbitkan juzuk ketiga, namun sehingga kini tidak dapat diketahui kewujudannya. Berkemungkinan usaha tersebut tidak dapat dilaksanakan disebabkan suasana Perang Dunia Kedua (Abd. Jalil Borham 2002) yang meletus pada tahun 1939 hingga 1945. Berdasarkan kepada kandungan *Ahkam Syar‘iyyah Johor*, ianya

jelas memaparkan perbincangan tentang nikah, talak, nafkah, 'iddah, hadanah (Hak Jagaan Anak), pusaka, wasiat dan sebagainya disusun dan dirangka dalam satu panduan yang jelas.

Ahkam Syar'iyah Johor juga memberi kesan kepada penggunaannya di negeri-negeri Melayu yang lain, misalnya negeri Pahang. Undang-undang *The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1920* milik negeri Pahang mengalami asimilasi kadar mahar iaitu RM22.50 yang diamalkan di Johor untuk diamalkan di negeri tersebut. Perkara 309 *Ahkam Syari'iyah Johor* menyatakan bahawa kadar nilai mahar bagi seluruh negeri dan jajahan Johor mestilah sebanyak sekati perak yang bersamaan RM22.50, tidak lebih dan boleh kurang. Kadar RM22.50 yang bersamaan nilai sekati Perak telah dinyatakan dengan jelas di dalam peruntukan tersebut. Perlu juga untuk difahami bahawa *Ahkam Syar'iyah Johor* telah diperkenalkan pada tahun 1935 iaitu sekitar tahun penetapan kadar RM22.50 sebagai kadar mas kahwin di negeri Pahang (Muhammad Najib Abd Wakil & Che Maryam Ahmad 2017). Oleh itu, penggunaan peruntukan undang-undang Islam dalam *Ahkam Syar'iyah Johor* memberi pengaruh dan kesan terhadap negeri-negeri Melayu yang lain seperti Pahang. Tambahan pula, menurut Sejarah, Johor dan Pahang pernah berada dalam satu kerajaan yang dikenali sebagai Kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang sekitar abad ke-16 hingga abad ke-19. Ini menunjukkan bahawa *Ahkam Syar'iyah Johor* merupakan satu undang-undang keluarga Islam yang komprehensif agar menjadi rujukan dan panduan para Hakim Syariah pada zaman tersebut. Kedua-dua usaha penyusunan kitab *Majalah Ahkām Johor* dan *Ahkam Syar'iyah Johor* menunjukkan bahawa Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim bersungguh-sungguh menerapkan undang-undang Islam sebagai panduan dalam Mahkamah negeri Johor khususnya dan panduan kepada rakyat negeri itu agar ianya dapat diperluaskan lagi.

Gagasan Pan-Islamisme Sultan Abdul Hamid II

Sayyid Muhammad al-Sagoff yang berketurunan Arab Ḥadrami mempunyai kontak yang rapat dengan Sultan Abdul Hamid II, Sultan Uthmaniyyah. Masyarakat Arab menerima watak dan kepercayaan penuh dari Kerajaan Uthmaniyyah untuk menjadi agen penggerak sewaktu semboyan gerakan Pan-Islamisme dilaungkan ke seluruh dunia (Nurulwahidah Fauzi 2012). Sayyid Muhammad al-Sagoff dilantik sebagai Konsul Uthmaniyyah di Singapura pada tahun 1880 an (Anthony Reid 1967). Ketika lawatan Sultan Abu Bakar ke Istanbul ditemani Sayyid Muhammad al-Sagoff pada tahun 1893, rombongan baginda singgah di Kaherah, Mesir. Wilfred Blunt memperkenalkan baginda dengan Sheikh al-Bakri, salah seorang pendukung gagasan Pan-Islamisme. Dalam pertemuan tersebut, Sheikh al-Bakri ingin mengetahui sama ada Sultan Abu Bakar berminat dengan gagasan Pan-Islamisme atau berhasrat untuk menempatkan pendakwah gagasan Pan-Islamisme di Johor (John M. Gullick 1992).

Namun begitu, walaupun Sultan Abu Bakar mempunyai hubungan yang baik dengan Kerajaan Uthmaniyyah, beliau tidak banyak menunjukkan minat untuk menyebarkan idea Pan-Islamisme yang diperkenalkan Sultan Abdul Hamid II (Mohammed Redzuan Othman 1996). Hal ini kerana, baginda seorang pemimpin kerajaan Melayu yang kecil dan tiada apa-apa yang penting untuk dibincangkan dengan Sultan Uthmaniyyah. Sultan Abu Bakar juga berbesar hati sekiranya Sheikh al-Bakri dapat menghantar ulama yang dapat memberikan pendidikan agama Islam di Johor disebabkan masyarakat Islam di Johor tidak begitu mahir berbahasa Arab (John

M. Gullick 1992). Jelaslah, Sayyid Muhammad al-Sagoff merupakan individu yang memperkenalkan gagasan Pan-Islamisme kepada Sultan Abu Bakar disebabkan beliau amat mengenali tokoh-tokoh Pan-Islamisme yang mendukung idea Sultan Abdul Hamid II selain mahir berbahasa Arab dan memudahkan komunikasi dengan tokoh penggerak idea tersebut. Menurut Anthony Reid (1967), sebuah akhbar Uthmaniyyah berjudul *Ikdam* menyatakan, tugas terpenting Konsul Uthmaniyyah adalah memperkukuhkan hubungan antara umat Islam di mana sahaja mereka berada. Walaupun Sultan Abu Bakar tidak menyatakan hasratnya menyahut seruan Pan-Islamisme, namun begitu, baginda mengetahui gagasan tersebut dan sentiasa menzahirkan taat setia kepada Sultan Uthmaniyyah sebagai *Khilafah* bagi seluruh umat Islam di dunia. Semasa pemerintahan Sultan Ibrahim, British telah mengukuhkan kedudukannya. Pada tahun 1914, seorang Penasihat Am telah ditempatkan dalam pentadbiran Johor. Semejak dari itu, pengaruh Uthmaniyyah dan gagasan Pan-Islamisme semakin berkurangan di Alam Melayu termasuk negeri Johor.

Kesimpulan

Dasar Islamisasi di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim membawa kerajaan dan negeri Johor ke arah dimensi baharu iaitu transformasi pentadbiran yang lebih cekap, terpelihara dan berdaulat dibawah prinsip nilai Islam. Tindak balas baginda terhadap hubungan diplomatik yang dijalinkan dengan Kerajaan Uthmaniyyah semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid II dengan menerapkan atau mengadaptasi perihal Islamisasi wajar dijadikan teladan dan contoh oleh pemerintah dalam sesebuah kerajaan atau negara selain mengukuhkan kedudukan politik. Pengukuhan kedaulatan tersebut juga mestilah seiring dengan aspek pentadbiran dan perundangan. Hal ini kerana, kedua-dua aspek tersebut merupakan unsur terpenting membina sebuah negara ke arah pemodenan, kemajuan dan kedaulatan. Adaptasi dan terjemahan kitab *Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah* milik Kerajaan Uthmaniyyah dan penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 merupakan satu usaha dan tindakan terpuji untuk memartabatkan agama Islam agar terus mekar di bumi Melayu khususnya. Hasil terjalannya hubungan diplomatik ini membawa negeri Johor ke satu aras transformasi yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri Melayu yang lain. Pemodenan yang dilaksanakan Sultan Abu Bakar mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan negeri Johor sehingga British gagal untuk campur tangan sehingga tahun 1914. Justeru, dapat disimpulkan bahawa hubungan diplomatik menjadi asas kepada sesebuah negara atau kerajaan untuk memajukan pentadbiran selari dengan arus perdana seperti mana yang dilakukan oleh Sultan Abu Bakar dengan Sultan Abdul Hamid II dari Kerajaan Uthmaniyyah, sebuah kuasa Islam yang menaungi seluruh umat Islam di dunia termasuk masyarakat muslim di Alam Melayu.

Rujukan

- A. Ghafar Ahmad. 1999. The Architectural Styles of Mosques in Malaysia: From Vernacular to Modern Structures. Kerta Kerja Symposium on Mosque Architecture. Anjuran Universiti King Saud. Riyadh, Arab Saudi, 31 Jan – 3 Feb.

- A. Rahman Tang Abdullah. 2008a. Modernisation or Westernisation of Johor under Abu Bakar: A Historical Analysis. *Intellectual Discourse*, (16)2: 209-231.
- A. Rahman Tang Abdullah. 2008b. Abu Bakar And Modern Johor: The Question Of Modernisation And Westernisation In Malay Tradition. *Jurnal Sejarah*, (16)16: 59-79.
- A. Rahman Tang Abdullah. 2011a. *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar: Kajian, Transliterasi dan Terjemahan Bahasa Inggeris*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- A. Rahman Tang Abdullah. 2011b. Sultan Abu Bakar's Foreign Guests and Travels Abroad, 1860s-1895: Fact and Fiction in Early Malay Historical Accounts. *Journal of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society*, (84)1: 1-22.
- Abd. Jalil Borham. 2002. *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan dan Komentor*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Jalil Borham. 1997. *Majalah Ahkam Johor Ditinjau dari Aspek Latar Belakang dan Pengaruhnya terhadap Pentadbiran Sistem Muamalat Islam di Negeri Johor*. Tesis Dr Falsafah, Bahagian Pengajian Syariah, Universiti Malaya.
- Abd. Jalil Borham. 2011. Pengaruh Khilafah Othmaniyyah Turki dalam Pentadbiran Kerajaan Johor bagi Memartabatkan Sebuah Negara Islam Merdeka di Asia Tenggara. Kertas kerja Ucaptama Simposium Isu-Isu Sejarah dan Tamadun Islam Peringkat Kebangsaan. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor, 8-10 April.
- Abd. Jalil Borham. 2014. *Ahkam Syar'iyah Johor: Model Kod Undang-undang dalam Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Islam di Negeri Johor*. Persidangan Antarabangsa Kekeluargaan Dari Perspektif Global (ICFI2014). Anjuran Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) dan Kerajaan Johor. Johor Bahru, Johor, 13 Februari.
- Abdul Rahim Ramli. 2011. *Sejarah Adat Istiadat Diraja Johor*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Ibrahim. 1979. *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia; Tun Mohamed Suffian, H.P. Lee dan F.A. Trindade, The Constitution Of Malaysia, Its Development: 1957-1977*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Alijah Gordon. 1999. *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady: With Selections of His Writings by His Son, Syed Alwi*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute (MSRI).
- Anthony Reid. 1967. Nineteenth Century Pan-Islam in Indonesia and Malaysia. *The Journal of Asian Studies*, (26)2: 267-283.
- Bharuddin Che Pa. 2007. Pengaruh Islam dalam Sejarah Penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. *Jurnal Al-Tamaddun*, 12(2): 89-112.
- Buyong Adil. 1971. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C.A. Trocki. 1975. The Johor Archives and the Kangchu System. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 48(1): 1-46.
- Ermy Azziaty Rozali. 2010. *Turki Uthmaniyah: Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu, 1876-7942*. Tesis Dr. Fal, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Ermy Azziaty Rozali. 2016. *Turki Uthmaniyah Persepsi dan Pengaruh Dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. 2005. *Surat-surat Perempuan Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

- Francis R. Bradley. 2014. Islamic Reform, the Family, and Knowledge Networks Linking Mecca to Southeast Asia in the Nineteenth Century. *The Journal of Asian Studies*, (73)1: 89-111.
- Hanif Md Lateh@Junid & Izziah Suryani Mat Resad@Arshad. 2018. *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312/1895*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Langgulung. 1980. *Beberapa Pemikiran Tentang Pendidikan Islam*. Bandung: Al Ma'arif
- H. Taner Seben. 2015. *The First Turkish Representatives in Singapore and Consul General Ahmed Ataullah Efendi*. Singapura: Embassy of the Republic of Turkey in Singapore.
- Iza R. Hussin. 2013. Textual Trajectories Re-reading The Constitution and Majalah in 1890s Johor. *Indonesia and The Malay World*, 14(120): 1-18.
- İsmail Hakkı Kadı. 2011. Ottoman-Aceh Relations as Documented in Turkish Sources. Dlm. R. Michael Feener, Patrick Daly & Anthony Reid. *Mapping the Acehnese Past*, hlm. 65-96. Leiden: KITLV Press.
- İsmail Hakkı Kadı. 2015. The Ottomans and Southeast Asia Prior to the Hamidian Era: A Critique of Colonial Perceptions of Ottoman-Southeast Asian Interaction. Dlm. A.C.S. Peacock & Annabel Teh Gallop. *From Anatolia to Aceh: Ottoman, Turks and Southeast Asia*, hlm. 89-119. Oxford: Oxford University Press.
- İsmail Hakkı Kadı & A.C.S. Peacock. 2019. *Ottoman-Southeast Asian Relation (2 vols.): Sources from The Ottoman Archives*. Leiden: Brill.
- John M. Gullick 1992. *Rulers and Residents: Influence and Power in the Malay States, 1870-1920*. London: Oxford University Press.
- Kassim Thukiman. 2011. *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Khalif Muammar A. Harris. 2016. *Ilmu Ketatanegaraan Melayu Raja Ali Haji Huraian Terhadap Thamarat al-Muhimmah & Muqaddimah fi Intizām Wazā'if al-Malik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Said Sulaiman. 1940. *Hikayat Johor dan Tawarikh AlMarhum Sultan Abu Bakar*. Singapura: Malay Publishing House.
- Muhammad Najib Abd Wakil & Che Maryam Ahmad. 2017. Mas Kahwin di Pahang: Satu Penilaian Semasa. *Journal of Contemporary Islamic Law*, (2)2: 61-73.
- Mohammad Redzuan Othman. 1996. Pan-Islamic Appeal and Political Patronage: The Malay Perspective and The Ottoman Response. *Jurnal Sejarah*,4(4): 97-108.
- Musa Awang. 2017. Peguam Syarie di Malaysia: Realiti Semasa & Prospek ke Arah Penggubalan Profesion Guaman Syarie. Kerta Kerja Seminar Kebangsaan Mahkamah Syariah 2017-60 Tahun Pasca Kemerdekaan: "Menelusuri Cabaran, Melestari Masa Hadapan". Anjuran Persatuan Peguam Syarie Malaysia. t.pt, 29 Ogos.
- M.A. Fawzi Basri. 1983. *Warisan Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- M.A. Fawzi Basri. 1997. Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan Dan Persuratan. Kertas Kerja Seminar Warisan Persuratan Johor II. Anjuran Kerajaan Negeri Johor. Johor Bahru, 31 Oktober-2 November.
- Noriah Mohamed (pngr.). 2001. *Syair Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar di Negeri Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

- Nuramirah Shahrin. 2019. *The Relationship between The Sultanate of Johore and The Ottoman Empire*. Tesis Sarjana, Sosial Bilimler Enstitüsü, Marmara Üniversitesi.
- Rahimah Abdul Aziz. 1997. *Pembaratan Pemerintahan Johor, 1800-1945: Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ronald Braddell .1931. *The Legal Status of the Malay States*. Singapore: Malaya Publishing House Limited.
- Salmah Jan. 2017. Kepemimpinan Diplomatik Pemerintah Kerajaan dalam Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah. *Jurnal Melayu*, 16(1): 1-18.
- Saref Masae & Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid. 2014. Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Sumbangannya dalam Pendidikan Islam di Pattani. *Jurnal al-Muqaddimah*, 2(2): 102-104.
- Shaharom Husain. 1994. *Sejarah Johor Kaitannya dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti SDN BHD.
- Suzana Othman. 2018. *Sejarah Pergolakan dan Pergelutan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wang Yong Bao. 2009. *Diplomacy Theory and Practice in Islam*. Selangor: IIUM Press.
- Yakoob Ahmed. 2019. The Forgotten History Connectiong Modern Turkey and Malaysia. <https://www.trtworld.com/magazine/the-forgotten-history-connecting-modern-turkey-and-malaysia-29722> [9 Jun 2020].
- Yaakub Isa. 1982. Syair Tanah Melayu iaitu Cerita Perang Pahang dan Johor Baharu. Dlm. Mohd Mokhtar Abu Bakar. *Pahang Dalam Sejarah*, hlm. 105. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2019. Bayan Linnas Siri ke-210: Bendera Malaysia: Hormatilah. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3651-bayan-linnas-siri-ke-210-bendera-malaysia-hormatilah> [28 April 2020].